

Assalamualaikum w.b.r dan Salam Sejahtera

Marilah kita bersama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah merahmati negara ini dengan nikmat keamanan dan kemakmuran yang berpanjangan dan kita dapat bersama untuk menyambut tahun baru 2020.

Tahun 2020 merupakan sebuah klimaks terhadap segala perancangan yang telah dibangunkan pada masa sebelumnya. Menghadapi segala bentuk cabaran bukan lagi satu rintangan namun persediaan yang kukuh telah dilaksana agar sistem sedia ada mampu diaplikasi dan kaedah terbaik sentiasa dicari. Pelaksanaan amalan kualiti MS ISO 9001:2015 di Majlis Daerah Batu Gajah pada hari ini telah menunjukkan peningkatan interaksi dalaman organisasi dan luaran yang memberi gambaran jelas akan peningkatan kefahaman antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan stakeholder kearah kelestarian sejagat.

Usaha berterusan Majlis Daerah Batu Gajah dalam memangkin perkembangan ekonomi dan sosial masyarakat setempat selaras dengan perubahan persekitaran dizahirkan menerusi penyediaan Pelan Strategik 2020 - 2025 pada tahun ini. Pelan tindakan yang dirangka telah meletakkan sasaran bagi transformasi kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah lebih berdaya huni. Perkembangan dan kemajuan tidak terletak sepenuhnya kepada PBT namun komuniti setempat juga mempunyai peluang dalam libat urus bersama bagi mencapai objektif tersebut. Pembangunan seimbang mampu direalisasikan secara bersama dalam situasi menang-menang.

Sebagai penutup, tindakan pencegahan dalaman sedang giat dilaksana dalam usaha memastikan ketepatan tindakan yang dirangka. Justeru, implikasi positif terhadap perubahan persekitaran akan diperoleh kepada setiap lapisan kumpulan sasaran dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah. Ini merupakan azam kami warga kerja Majlis Daerah Batu Gajah.

SELAMAT TAHUN BARU 2020

MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI, AMP
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH